

Malakoff, Gas Malaysia bentuk JVCo

PETALING JAYA – Malakoff Corporation Berhad (Malakoff) dan Gas Malaysia Berhad (Gas Malaysia) mengumumkan pembentukan syarikat kerjasama (JVCo), Malakoff – Gas Malaysia Cogen O&M Sdn. Bhd. bagi menyediakan perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan (O&M) bagi kilang cogeneration di Malaysia.

Malakoff merupakan penyedia perkhidmatan tenaga, air dan alam sekitar multi nasional dengan memfokuskan kepada penjana tenaga, nyahgaram air, O&M dan alam sekitar.

Sementara Gas Malaysia dilesenkan di bawah Akta Bekalan Gas 1993 beroperasi dengan tujuan untuk membekalkan dan menjual gas asli serta gas petroleum cecair kepada pengguna industri, komersial dan kediaman, selain membangun, mengendalikan dan menyelenggara Sistem Pengedaran Gas Asli (NGDS) di Semenanjung.

Melalui usaha sama berkenaan, anak syarikat Malakoff, Malakoff Technical Solutions Sdn. Bhd. (MTS) akan memegang 51 peratus kepentingan ekuiti, manakala baki 49 peratus dimiliki oleh anak syarikat Gas Malaysia iaitu Gas Malaysia Ventures 1 Sdn. Bhd.

Pengarah Urusan / Ketua



ANWAR SYAHRIN



Ini adalah kesempatan besar bagi Malakoff untuk meluaskan lagi jejak kami dalam segmen perniagaan O&M. Kami mengalu-alukan penyertaan Gas Malaysia sebagai rakan, yang membawa pengalaman luas untuk menghasilkan lebih banyak peluang dan sinergi kepada syarikat kerjasama ini."



PENGALAMAN Gas Malaysia bakal membuka luas peluang dan sinergi untuk mengukuhkan syarikat usaha sama dalam bidang O&M untuk kilang cogeneration di Malaysia.

Pegawai Eksekutif Malakoff, Anwar Syahrin Abdul Ajib berkata, pihaknya optimis terhadap usaha sama tersebut yang akan mempercepat pertumbuhan syarikat dalam perniagaan cogeneration.

"Ini adalah kesempatan besar bagi Malakoff untuk meluaskan

lagi jejak kami dalam segmen perniagaan O&M.

"Kami mengalu-alukan penyertaan Gas Malaysia sebagai rakan, yang membawa pengalaman luas untuk menghasilkan lebih banyak peluang dan sinergi kepada syarikat kerjasama ini," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Gas Malaysia, Ahmad Hashimi Abdul Manap berkata, pakatan strategik itu bakal menjadi elemen penting dalam strategi pertumbuhan jangka panjang syarikat, di samping mengukuhkan kehadiran pasarannya.